

Pembersihan Sungai Golok tangani banjir di sempadan

Pasir Mas: Malaysia dan Thailand setuju melaksanakan pembersihan Sungai Golok bagi mengatasi masalah banjir dihadapi penduduk di kedua-dua negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata pembersihan sungai itu akan memberi banyak manfaat kepada penduduk, terutama di Rantau Panjang di sebelah Malaysia dan Narathiwat di sebelah negara jiran itu.

Katanya, masalah banjir di Rantau Panjang dan di Narathiwat antara isu tertangguh sekian lama, antara puncanya kerana Sungai Golok tidak diurus, tidak dibersihkan dan tidak dikorek di kawasan muara sungai.

“Sebahagian tanah (terjejas banjir) milik Malaysia, sebahagian lagi milik Thailand.

“Saya beritahu Perdana Menteri Thailand, selagi tidak digali muara sungai itu, limpahan air akan terkesan di Kelantan dan di sekitar Narathiwat.

“Jadi, kita akan saksikan tahun demi tahun perkara ini berlarutan,” katanya pada sidang media di Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas, di sini, semalam sempena lawatan kerja beliau ke Rantau Panjang dan Sungai Golok yang turut melibatkan pertemuan dengan Srettha.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sudah bersedia dari segi

kewangan dengan langkah pertama yang perlu diambil ialah secara teknikal supaya sungai dapat segera diurus dan mengalir dengan baik bagi mengelak berlaku timbunan yang menyekat aliran.

Perdana Menteri yang sebelum itu melawat Sungai Golok bersama Srettha, berkata kerajaan juga mahu melihat projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) dipercepatkan kerana ia juga masalah utama penduduk yang berdepan banjir.

“Peruntukan sudah disediakan, namun kita juga perlu mengikut anggaran kejuruteraan, selain melakukan skop ka-

jian dengan teliti supaya projek PLSB dapat disiapkan dengan sempurna. Kerajaan ikuti perkembangan projek ini dari semasa ke semasa.

“Ia bagi memastikan projek diselesaikan dengan baik tanpa meninggalkan kesan buruk, terutama kepada penduduk tinggal berdekatan tapak projek,” katanya yang turut turun padang meninjau perkembangan PLSB Sungai Kelantan Fasa 1 di Tunjong.

Perdana Menteri tiba di tapak projek seliaan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang memerlukan kos RM699 juta itu sambil diiringi Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Nassuruddin Daud

sebelum mendengar taklimat Ketua Pengarah JPS, Datuk Dr Ahmad Anuar Othman.

Ahmad Anuar ketika ditemui berkata, projek PLSB Sungai Kelantan Fasa 1 membabitkan kawasan seluas 81 hektar dimulakan Januari 2018 dan dijangka siap sepenuhnya menjelang Julai tahun hadapan.

“Ada sedikit kelewatan kerana pandemik serta pengambilan tanah, namun setakat ini kemajuan projek sudah mencapai 94 peratus. Menerusi PLSB Sungai Kelantan Fasa 1 ini juga, 95,000 penduduk sekitar dapat menerima manfaat dan dapat kurangkan banjir setiap tahun,” katanya.